

1.0 PANDUAN PENJAGAAN FRC (Flame Resistant Clothing)

Secara umum, FRC boleh dibasuh dan dikeringkan seperti mengikut garis panduan seperti berikut:

1.1 Pembasuhan

- i. FRC boleh dibasuh menggunakan mesin basuh.
- ii. FRC sebaiknya dibasuh berasingan daripada pakaian lain dan dibasuh dengan bahagian dalam baju diterbalikkan supaya menjadi di sebelah luar.
- iii. Pastikan muatan mesin basuh tidak melebihi 65% daripada kapasiti basuhan untuk mengelakkan fabrik FRC dari berkedut dan memastikan ia dapat dibasuh dengan sempurna.
- iv. Pastikan paras air yang tinggi semasa pembasuhan untuk memastikan fabrik dapat bergerak dan dibasuh sepenuhnya.
- v. Pembasuhan mesti dilakukan pada tahap suhu yang mencukupi dan suhu maksima yang dibenarkan adalah 140°F atau 60°C atau tetapan *low temperature*.
- vi. FRC tidak boleh dibasuh dengan menggunakan bahan pencuci yang mengandungi *chlorine bleach*, *hydrogen peroxide bleach*, pelembut kain (*softener*), kanji serta sabun yang berasaskan garam dan lemak asid haiwan kerana kesmua ini boleh menjejaskan ciri-ciri *flame resistance*, *thermal resistance* dan *arc resistance* pada fabrik FRC

1.2 Pengeringan

- i. Pengeringan boleh dibuat menggunakan mesin pengering namun tidak dibenarkan menggunakan suhu yang terlalu tinggi dan dibiarkan dalam tempoh masa yang lama.
- ii. Suhu untuk pengeringan adalah tidak melebihi 280°F (138°C) atau pada tetapan *Low Temperature*.
- iii. Keluarkan pakaian serta merta daripada mesin pengering apabila pakaian telah kering atau sedikit lembab. Sempurnakan pengeringan dengan menyidai di bawah matahari atau berbumbung agar ianya kering dengan baik. Sekiranya terlampau kering di dalam mesin pengering, fabrik AFS boleh mengecut.

1.3 Menggosok

- i. FRC boleh digosok bagi menghilangkan kesan kedutan. Namun tetapan pada seterika yang dibenarkan adalah *cotton blend setting*.
- ii. Penggunaan *steam* atau *dry iron* tidak digalakkan.

1.4 Penyimpanan

- i. FRC dipastikan telah kering sepenuhnya sebelum dilipat dan disimpan di dalam beg agar tiada kulat dan tidak berbau.
- ii. FRC tidak digalakkan digantung dalam tempoh yang lama kerana ia akan mendedahkan kepada benda asing seperti habuk, debu atau kotoran lain

2.0 SEMAKAN KEADAAN AFS

Pemeriksaan ke atas FRC perlu dilakukan untuk menyemak keadaan FRC tersebut sama ada masih boleh digunakan, perlu dibaiki atau perlu digantikan.

Kerosakan kecil pada FRC perlu dibaiki oleh panel penjahit yang dilantik untuk digunakan semula setelah dibaiki. Contoh kerosakan ini ialah jahitan, butang, zip dan Velcro *fastener* yang terbuka/tercabut.

Manakala kerosakan pada FRC seperti berikut memerlukan FRC diganti dengan yang baru:

- i. Terdapat kesan terbakar pada mana-mana bahagian jaket dan seluar
- ii. Terdapat kesan minyak mineral yang tidak dapat dibersihkan dengan cucian biasa
- iii. Terdapat kesan koyak pada fabrik di bahagian jaket, dan seluar
- iv. Terdapat kesan menipis ketara pada fabrik di bahagian jaket dan seluar